

aab

UMNO AKAN SOKONG HUKUM HUDUD KALAU BENAR-BENAR IKUT ISLAM

Mahathir-Hudud ''''

KOTA KINABALU, 30 April (Bernama) -- Umno akan menyokong hasrat kerajaan PAS untuk melaksanakan hukum hudud di Kelantan jika ia benar-benar mengikut kehendak agama Islam, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Katanya, Umno akan mengkaji perkara ini kalau mereka (PAS) mengemukakan cadangan tersebut sebagai satu usul dalam Dewan Rakyat.

+Kita akan mengkajinya. Tetapi pada umumnya sekurang-kurangnya Umno akan memberi sokongan kalau pindaan itu adalah pindaan yang betul-betul mengikut kehendak agama Islam,+ kata kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan tertutup dengan pemimpin-pemimpin Umno Sabah di sini.

Dr Mahathir tiba di sini pagi ini untuk lawatan dua hari termasuk menghadiri perjumpaan orang ramai di Sandakan petang ini dan merasmikan mesyuarat agung pertama Parti Demokratik Liberal (LDP), parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah, esok.

Katanya, Kabinet belum membuat apa-apa keputusan mengenai hasrat kerajaan PAS itu kerana belum ada cadangan yang dikemukakan untuk meminda perlembagaan. -- Lagi

▼30/04/16-16MST

CNS2338

R GB 30-04 00148 BB798

aab

Mahathir-Hudud 2 Kota Kinabalu ''''

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata kerajaan cuma memberi pengakuan untuk memberi sokongan terhadap hasrat PAS itu +dengan syarat pindaan itu adalah pindaan yang boleh diterima oleh kita+.

+Untuk ini kita perlu mengkaji pindaan yang dicadangkan oleh PAS itu. Apa dia (perlembagaan) yang dikatakan menghalang pelaksanaan hukum hudud ini,+ kata beliau. --

Mengenai lawatannya ke Sabah, Perdana Menteri berkata ia adalah lawatan biasa setelah agak lama tidak berkunjung ke negeri ini.

+Saya datang ke sini kerana saya lama tak datang. Ghafar (Baba, Timbalan Perdana Menteri) sahaja yang telah datang. Jadi ada orang berpendapat saya sebagai Presiden Umno perlu datang.

+Ia tidak ada kena mengena dengan (kes Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan) di mahkamah. Khabar-khabar angin mengenai pilihan raya umum mendadak di sini juga bukan tumpuan saya,+ katanya. -- Lagi

▼30/04/16-18MST

CNS2344

R GB 30-04 00109 BB799

aab

Mahathir-Hudud 3 (Akhir) Kota Kinabalu

Ditanya adakah Parti Bersatu Sabah (PBS) telah memohon menganggotai semula BN, Dr Mahathir berkata khabar-khabar angin mengenainya memang ada tetapi +kita tak dapat apapun permohonan+.

Ditanya tujuan perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin Umno Sabah, beliau berkata ia adalah perkara biasa untuk menjelaskan mengenai perjuangan dan sejarah parti.

Mengenai tatacara untuk raja-raja, katanya, beliau belum mendapat penjelasan mengenainya setelah pertemuan wakil-wakil Umno dengan Raja-Raja baru-baru ini.

Yang turut hadir pada perjumpaan hari ini Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, selaku Setiausaha Agung Umno, dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun. -- Bernama

▼30/04/16-21MST